



Sastera dan Perbukuan Musim Pandemi

Kesan daripada pandemik COVID-19, aktiviti sastera dan perbukuan sepanjang tahun 2020 dan tahun ini melihatkan kesuraman luar biasa. Berbeza dengan tahun sebelumnya, saban hujung minggu, pelbagai aktiviti dapat dilihat memenuhi kalendar. Meriah! Lebih memeritkan, sepatutnya pada tahun lalu warga Malaysia meraikan pengiktirafan Kuala Lumpur sebagai Ibu Kota Buku Dunia oleh UNESCO, namun disebabkan pandemik luar jangkaan ini, pengiktirafan ini menjadi beku dan tidak kedengaran lagi.

Tahun lalu juga menjadi tamparan hebat kepada dunia perbukuan tanah air apabila Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) yang menjadi acara perbukuan terbesar di negara ini dan sentiasa menjadi ruang paling dinantikan oleh peminat buku dan sastera juga tidak berjaya untuk diadakan seperti sedia kala. Pada tahun lalu, PBAKL hanya muncul dalam ruang maya, iaitu menjadi pesta buku dalam talian yang sebenarnya menampilkan kemeriahan yang hilang.

Walaupun dunia sudah berubah dan perlahan-lahan kita memasuki dunia digital, namun tidak dapat dinafikan bahawa platform digital dan dalam talian bukanlah jawapan tuntas terhadap kemeriahan dunia sastera dan perbukuan tanah air. Kita masih memerlukan aktiviti bersifat fizikal serta rinduan suasana percanggahan idea dan interaksi sesama sendiri. Sukar untuk menggantikan pengalaman bersemuka. Walaupun keadaan sekarang amat sukar untuk melaksanakan cita-cita ini, namun kita semakin merindukan detik menghidu bau buku dan mendengar kebisingan dan percakapan tentang polemik dan debat sastera.

Ketika musim pandemik ini, antara medium utama untuk acara sastera dengan perbukuan ialah siaran langsung melalui aplikasi Facebook. Namun demikian, sejauh manakah acara yang berlangsung dalam Facebook ini benar-benar menjadi pengganti atau sekadar alternatif yang masih banyak kelemahan dan kurang meninggalkan kesan.

Melalui siaran langsung dalam Facebook, kita sebagai penonton hanya dapat mendengar sahaja barisan ahli panel membincangkan sesuatu topik. Kita sebagai penonton tidak dapat mencelah secara nyata. Sebagai penonton, kita hanya dapat memberikan komen dan pertanyaan hanya melalui kata-kata tanpa suara. Ini menjadi interaksi yang mengecewakan dan perbincangan menjadi tidak meluas seperti diharapkan. Keadaan ini jauh berbeza dalam forum sastera dan perbukuan yang berlangsung dalam keadaan normal.

Selain siaran langsung sebegini, terdapat juga acara sastera pada musim pandemik ini yang menggunakan kaedah seperti webinar melalui aplikasi seperti Zoom atau Google Meet. Walaupun penganjuran acara sastera dalam medium ini melibatkan interaksi, namun khalayaknya terhad kepada mereka yang berdaftar sahaja.

Begitulah dilema semasa acara sastera pada musim pandemik ini. Tidak ada yang benar-benar dapat menggantikan kepuasan acara fizikal yang selalu kita lihat dan hadir. Acara pesta buku misalnya menjadi sesuatu yang amat dirindukan kerana bukan sekadar medan jualan, tetapi medan pertemuan sesama penulis dan antara penulis dengan pembaca. Hal ini bukan persoalan tentang banyak buku terjual atau penerimaan berapa peratus royalti, tetapi lebih kepada perkembangan sosial yang memberikan kesan mendalam terhadap perkembangan industri sastera dan perbukuan tanah air.

Pada musim pandemik ini, sudah tentu kita akan teringat tentang apa-apa keadaan yang perlu ditempuh oleh Kuala Lumpur yang telah diangkat sebagai Ibu Kota Buku Dunia itu. Seperti kita tahu, pengiktirafan ini memerlukan Kuala Lumpur melalui pihak yang bertanggungjawab dalam melaksanakan pelbagai aktiviti sastera dan perbukuan bagi meraikan kejayaan ini. Sepatutnya sepanjang tahun 2020, Kuala Lumpur dilimpahi cahaya buku dan sastera, namun adakah keadaan ini boleh dilaksanakan pada musim pandemik?




Antara medium utama untuk acara sastera dengan perbukuan ialah siaran langsung melalui aplikasi Facebook. Namun demikian, sejauh manakah acara yang berlangsung dalam Facebook ini benar-benar menjadi pengganti atau sekadar alternatif yang masih banyak kelemahan dan kurang meninggalkan kesan.

Kemungkinan besar, acara yang digerakkan secara dalam talian ini dilihat tidak cukup menarik dalam kalangan khalayak untuk turut serta secara aktif. Seperti yang dapat dilihat dalam laman sosial KL Baca misalnya, pelbagai poster acara sastera dan perbukuan secara dalam talian terpampang dalam laman berkenaan. Namun demikian, apakah nasibnya?

Tahun 2020 sudah berlalu dan seperti yang kita sendiri menjadi saksi, Kuala Lumpur sebagai Ibu Kota Buku Dunia berlalu dengan penuh suram dan duka. Tidak banyak yang boleh dilakukan, perancangan yang telah ditetapkan dalam kalendar tergendala dan tidak pasti apakah nasib sebenarnya. Fokus acara secara dalam talian juga tidak mendapat sambutan hangat seperti yang diharapkan.

Kemungkinan besar, acara yang digerakkan secara dalam talian ini dilihat tidak cukup menarik dalam kalangan khalayak untuk turut serta secara aktif. Seperti yang dapat dilihat dalam laman sosial KL Baca misalnya, pelbagai poster acara sastera dan perbukuan secara dalam talian terpampang dalam laman berkenaan. Namun demikian, apakah nasibnya? Kebanyakan acara berkenaan tidak berjaya menembusi khalayak umum atau pengikut baharu kerana hanya mampu menarik perhatian mereka yang berkaitan sahaja.

Situasi ini sudah tentu bukan salah pihak bertanggungjawab sepenuhnya kerana pandemik telah menghumban kita dalam kancang yang tidak pernah difikirkan sebelum ini. Kemungkinan kita tidak sempat untuk memikirkan alternatif yang paling



▲ Suasana jualan buku secara fizikal.

sesuai dalam tempoh singkat. Maka kita mencuba dan terus mencuba apa-apa sahaja kaedah dan cara yang sesuai. Acara sastera dan perbukuan pada musim pandemik sememangnya sesuatu yang merisaukan.

Namun begitu, baru-baru ini saya berkesempatan mengikuti siaran langsung Facebook dalam saluran Garasi TV, iaitu saluran yang dikendalikan oleh penulis tersohor, Zainal Rashid Ahmad. Yang menarik dalam siaran yang dikendalikan oleh Zainal ini adalah keupayaan beliau menjual buku sastera kepada khalayak. Buku yang dijual di Garasi TV mendapat sambutan hangat dan luar biasa dalam tempoh siaran langsung yang tidak sampai dua jam.

Misalnya dalam satu kerjasama dengan pihak Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM), sebanyak 2651 naskah buku terbitan ITBM telah ditempah dalam masa 115 minit siaran berkenaan berlangsung. Ini merupakan pencapaian membanggakan untuk industri buku dan sastera negara. Dalam siarannya, Garasi TV menggunakan kaedah sama seperti menonton siaran Go Shop atau CJ Wow Shop. Kaedah penjualannya memikat penonton, malah pembelinya bukan dalam kalangan yang hampir dengan sastera, tetapi orang-orang biasa yang tertarik dengan buku yang ditampilkan.

Siaran langsung tersebut amat menarik kerana Garasi TV berjaya menampilkan nama besar dalam industri perbukuan dan sastera negara untuk membincangkan pelbagai isu yang berkaitan sama ada secara santai dan mesra. Selain itu, aktiviti tersebut diselangi dengan persembahan muzik yang sudah tentu menjadi daya penarik untuk khalayak menontonnya.

Selain itu, Garasi TV berjaya menjadikan sastera dan buku sebagai sesuatu yang menarik untuk diberikan perhatian. Yang dilakukan oleh Garasi TV ini bukan kerja mudah, malah perlu membina pengikut yang konsisten dan menyediakan kandungan yang kuat bagi memastikan khalayak yang datang sekurang-kurangnya bukan sekadar menonton, tetapi juga membeli buku yang dijual.

Oleh sebab interaksi sosial pada musim pandemik ini begitu terbatas, maka pelbagai aplikasi untuk menghubungkan manusia secara digital muncul dengan banyak di pasaran. Antara yang terkini dan menarik perhatian ialah Clubhouse yang memiliki ciri-ciri yang sangat berbeza dengan aplikasi interaksi sosial yang lain. Jika kebanyakan aplikasi perbualan atau media sosial lain bergantung kepada kepelbagaian media termasuklah menggabungkan fungsi video, bunyi, teks dan imej pegun, namun Clubhouse dilihat mengecilkkan penggunaan media dengan hanya menumpukan kepada medium bunyi atau suara sahaja.

Selain itu, Clubhouse juga bersifat eksklusif apabila penyertaan seseorang hanya boleh berlaku apabila dicadangkan atau dipersetujui oleh individu yang mengenalinya. Hal ini menyebabkan Clubhouse bukan seperti media sosial lain yang mempunyai kecenderungan untuk dipenuhi oleh akaun spam dan bermasalah. Clubhouse dilihat mengukuhkan keintiman hubungan sesama rakan, dan cara berinteraksi memperlihatkan keunikan kerana kembali kepada kaedah perhubungan konvensional sebelum ini dengan berpaksikan kepada fungsi asas telefon, iaitu panggilan suara.

Melalui Clubhouse, kita boleh pergi dari satu bilik ke satu bilik untuk mendengar perbualan dan perbincangan sesiapa sahaja. Selain itu, sebagai medan forum yang membincangkan pelbagai isu terkini dan semasa. Arena sastera dan perbukuan juga tidak ketinggalan mendapat tempat di Clubhouse melalui beberapa siri perbincangan yang digerakkan oleh kelompok aktif sastera dan perbukuan yang sebelum ini aktif dalam acara fizikal.

Clubhouse membolehkan kita untuk mengimbuai kenangan ketika mendengar radio untuk mendapatkan maklumat dan mengangkat gagang telefon untuk bersuara dan bertanya khabar. Ini adalah medan terkini yang boleh diguna pakai secara meluas untuk diadakan perbincangan berkaitan dengan perbukuan dan sastera pada musim pandemik yang tidak pasti bilakah akan berakhir.

Pada tahun ini, kita belum pasti apakah nasib sebenar PBAKL. Adakah PBAKL akan tertangguh lagi dan hanya akan berlangsung dalam platform jualan seperti Shopee dan Lazada? Sekiranya hanya menjadi acara jualan, maka keistimewaan PBAKL itu beransur-ansur padam. Kita tidak seharusnya membiarkan pandemik memakan pesta perbukuan dan sastera terbesar di negara kita ini.

Acara jualan semata-mata adalah tidak mencukupi, PBAKL memerlukan lebih daripada itu iaitu kemeriahan. Sehubungan dengan itu, walaupun jika PBAKL untuk tahun ini akan berlangsung dalam talian dan tidak sebagai sebuah acara fizikal seperti lazimnya, maka kita seharusnya bersedia dengan perancangan lebih rapi dan teliti. Tahun ini bukan lagi kejutan seperti tahun sudah yang melihatkan pesta ini tidak boleh diraikan secara sebesar-besaran.

Oleh itu, pada tahun ini kita mempunyai kesempatan dan keupayaan untuk melakukan apa-apa yang lebih besar dan hebat. Pandemik bukan halangan untuk kita menggegarkan medium digital yang sedia ada. Ini merupakan waktu tepat untuk kita membuktikan kepada khalayak bahawa sastera dan buku tidak mati dibunuh pandemik, malah akan terus dihidupkan oleh penggiat yang mencintainya. Ia akan relevan berhadapan perubahan zaman dan keadaan.

Sempena meraikan Kuala Lumpur sebagai Ibu Kota Buku Dunia yang tertangguh sebelum ini, kemeriahan yang kita harapkan ini wajar muncul segera. Segala platform media harus diguna pakai seperti Facebook, Google Meet, Zoom atau Clubhouse sahaja, tetapi harus melibatkan media konvensional yang kini kembali menjadi perhatian. Televisyen misalnya, yang kini kembali mengambil alih peranan sinema wajar dilihat sebagai medium penting dalam pelaksanaan PBAKL kelak. Contohnya, saluran jualan yang semakin berlambak-lambak boleh dialihkan salah satu daripadanya untuk menjual produk perbukuan dan sastera.

Kini tiba masanya untuk kita membuktikan bahawa sastera dan perbukuan sedang hidup di dalam rumah kita masing-masing dan belum bersedia untuk mati, tetapi akan terus hidup untuk selama mana yang kita mahu. -**tr**



◀ Program "Canai Bahasa dan Sastera 2019" yang dilaksanakan oleh majalah *Tunas Cipta*.